

PM bimbang keasy kuasa akan lumpuhkan Melayu

KUALA LUMPUR 8 Nov. — Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad bimbang, keasyikan menyalahgunakan apa jua kuasa yang ada dalam semua peringkat akan melumpuhkan orang Melayu dan akan membawa mereka kembali negara ke zaman kegelapan pemerintahan Raja-Raja Melayu dulu.

Menurutnya, seperti yang berlaku di zaman pemerintahan Raja-Raja Melayu dulu, ramai rakyat sekarang lebih mengutamakan diri sendiri daripada bangsa dan negara.

Beliau menegaskan, amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku seperti dulu akhirnya telah menyebabkan negeri-negeri Melayu mudah ditakluk oleh bangsa asing dan orang Melayu diperhambakan.

"Jika keadaan ini berlaku, saya khawatir orang Melayu akan diperhambakan sekali lagi, kerana nampaknya kita sekarang sedang menuju ke arah keadaan di zaman pemerintahan raja-raja Melayu dahulu di mana rasuah dan penyalahgunaan kuasa akhirnya menyebabkan negeri-negeri Melayu ditakluk dan orang Melayu diperhambakan," tegas beliau dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung UMNO hari ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, keasyikan menyalahgunakan apa jua kuasa yang ada di semua peringkat akan melumpuhkan orang Melayu dan menyekat kejayaan mereka.

Katanya, jika keadaan ini berterusan, beliau khawatir orang Melayu akan diperhambakan sekali lagi. "Saya sedar apa yang diperkatakan ini akan menyebabkan kemarahan pihak-pihak tertentu di dalam dan di luar parti serta



kerajaan.

"Tetapi saya tidak akan bertanggungjawab jika tidak memperkatakan yang benar demi menyelamatkan bangsa Melayu yang menjadi tunggak kerajaan negara ini serta bangsa yang menegakkan Islam," tambahnya.

Perdana Menteri menjelaskan, mengutamakan keuntungan hari ini bagi diri sendiri akan merugikan bangsa dengan banyak pada hari esok. "Jika bangsa sudah menjadi lemah, diri sendiri tidak akan selamat daripada padahnya.

"Sebaliknya, mereka yang bersabar dan sanggup menunggu kebahagiaan daripada keteguhan bangsa kemudian hari akan memperolehi kebahagiaan bagi diri sendiri secara yang lebih kekal," kata beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, walaupun menerima sedikit rasuah mungkin dianggap perkara ringan tetapi kesan buruk rasuah tidak bergantung kepada kecil atau besarnya.

Perdana Menteri juga bertanya kepada perhimpunan agung kenapakah dahulu negeri-negeri Melayu mudah dijajah.

Beliau juga bertanya apakah ia disebabkan oleh ketamakan orang Eropah semata-mata atau kerana di kalangan Raja-Raja Melayu pun berlaku peributan kuasa.

Sebenarnya kata beliau, pemerintahan kerajaan-keraja-

an Melayu sebelum penjajahan kuasa-kuasa Barat tidak merupakan pemerintahan sebuah negara atau negeri tetapi sebaliknya adalah pemerintahan untuk kepentingan beberapa kerat golongan bangsawan.

Katanya, mereka seolah-olah menganggap negeri yang mereka memerintah itu milik mereka dan segala hasil cukai adalah hak mereka dan boleh digunakan mengikut sesuka hati.

"Oleh kerana wujudnya perebutan kuasa inilah negeri-negeri Melayu telah tergadai dan jika diteliti rakyat juga bersalah kerana mereka menerima cara kehidupan itu tanpa menyoal pemerintahan yang penuh dengan rasuah dan penyelewengan kuasa.

"Pada zaman itu, tujuan semua pihak, daripada rakyat biasa sehinggalah kepada raja ialah bagaimana hendak mengaut kekayaan negeri untuk diri mereka sendiri sahaja," ujar beliau.

Negeri, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, disifatkan sebagai lembu tenusu yang boleh diperah untuk diminum sendiri.

Kata beliau lagi, sikap orang Melayu pada masa itu menghancurkan dan merghina mereka sendiri.

Beliau juga menegaskan pengaruh kapitan Cina dalam istana berlaku kerana raja ingin mengaut keuntungan peribadi daripada hasil kutipan cukai dan demikianlah juga dengan penjualan candu.

ikan salahguna